

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2016

**USUL KERJASAMA KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN DALAM
MENANGANI MASALAH PENGAIRAN DAN SALIRAN KETIKA BANJIR
KHUSUSNYA DI KAWASAN BANDAR**

Keadaan cuaca yang tidak menentu yakni taburan hujan yang semakin meningkat disebabkan perubahan iklim akan menjadi lebih kerap dan teruk pada masa akan datang. Infrastruktur serta pertahanan bangunan dan saliran sedia ada tidak mampu menampung cuaca ekstrem yang boleh melanda pada bila-bila masa terutama di musim hujan. Sehingga kini kita tidak mempunyai satu jalan penyelesaian untuk menguruskan risiko banjir bandar. Portfolio penyelesaian amat diperlukan bukan sahaja setelah banjir berlaku tetapi dalam mencegah banjir sebelum terjadi.

Seperti yang berlaku pada 18 Julai 2016, kawasan seperti Batu Maung, Bayan Lepas, Bayan Baru, Georgetown dan juga Teluk Bahang mengalami banjir kilat berikutan hujan tidak henti-henti pada hari sebelumnya. Ini menunjukkan kawasan-kawasan yang terlibat tidak mempunyai daya tahan jika berlaku banjir kilat seumpamanya. Sistem saliran bandar yang kurang baik dilihat sebagai punca utama masalah ini. Kita tidak mempunyai sistem saliran yang mapan yang boleh mengurangkan banjir permukaan dan juga menyediakan faedah-faedah lain.

Rangka kerja yang lebih lengkap perlu dibuat oleh kerajaan negeri bersama-sama kerajaan persekutuan untuk menangkis masalah pengairan dan saliran dalam pelbagai skala. Kepelbagaian penyelesaian masalah dan pendekatan yang berbeza perlu dalam menangkis masalah ini berikutan setiap tempat akan mempunyai jenis tanah serta infrastruktur yang berlainan. Peningkatan kualiti air juga membantu dalam memastikan saliran dapat berjalan dengan betul. Kualiti air yang dimaksudkan di sini ialah penguatkuasaan undang-undang dalam memantau pencemaran urban yang dilakukan oleh syarikat serta individu terlibat. Pembetungan yang lebih sistematik sewaktu pembinaan kawasan perumahan juga dilihat mampu mengatasi masalah ini.

Pelbagai cara lagi boleh dicadangkan dalam memastikan agar masalah pengairan dan saliran dapat ditangani namun pembahagian tugas yang masih kurang jelas antara kerajaan negeri dan kerajaan pusat itu sendiri membuatkan masalah pengairan dan saliran ini dilihat hanya diselesaikan setelah masalah timbul, bukan lagi mencegah sebelum merawat. Oleh itu jika kedua-dua pihak negeri dan pusat dapat mencapai persetujuan dan menggariskan fungsi, penguatkuasaan dan implementasi daripada peringkat akar umbi sebelum hujan di tengah hari dan sebelum segalanya ditenggelami air dan rakyat yang perlu menanggung akibatnya di kemudian hari.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

Noor Ain Shiefa

Ahli Sidang Muda 2016

